



UNTUK SIARAN SEGERA

MIDF, MTDC DAN ACCCIM MEMPROMOSI DAN MEMPERTINGKAT KERJASAMA EKONOMI MENERUSI PERNIAGAAN, PERDAGANGAN DAN PELABURAN

Kuala Lumpur, 8 April 2021 – Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia (ACCCIM) menandatangani dua memorandum persefahaman (MoU) bersama Malaysian Industrial Development Finance Berhad (MIDF) dan Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) dalam satu majlis yang berlangsung di Menara MIDF pagi tadi.

Pada majlis ini, semua pihak terlibat bersetuju membangunkan jalinan kerjasama komersial dan perindustrian dengan menggunakan pakai kelebihan dan kekuatan masing-masing. Kolaborasi ini turut bertujuan mempromosi dan mempertingkat kerjasama dalam sektor perniagaan, perdagangan dan pelaburan dengan menyediakan platform kepada pihak terlibat untuk bertukar maklumat dan pandangan, membangunkan perhubungan dalam ruang lingkup pertumbuhan ekonomi masing-masing serta membantu satu sama lain dalam pertemuan perniagaan, penganjuran dan penyertaan dalam pameran perdagangan.

Kedua-dua MoU ini ditandatangani oleh Setiausaha Agung ACCCIM, YBhg. Dato' Tan Tian Meng, bersama Pengarah Urusan Kumpulan MIDF, YBhg. Dato' Charon Wardini Mokhzani untuk MoU pertama antara MIDF dan ACCCIM dan YBhg. Dato' Norhalim Yunus, Ketua Eksekutif MTDC menandatangani MoU kedua antara MTDC dan ACCCIM.

"Kami di MIDF berbesar hati bekerjasama dengan MITI dan MTDC untuk membantu perniagaan di Malaysia. Dengan termeterai perjanjian bersama Associated Chinese Chambers of Commerce and Industry of Malaysia (ACCCIM), kami menjangkakan

peningkatan kesedaran dalam kalangan ahli gabungan berhubung kemudahan pembiayaan yang ditawarkan MIDF serta penyediaan khidmat nasihat dalam membantu mengembangkan perniagaan menerusi automasi, pendigitalan dan pemodenan,” ujar YBhg. Dato’ Charon Wardini Mokhzani, Pengarah Urusan Kumpulan MIDF.

“Adalah menjadi harapan kami, MoU antara MTDC dan ACCCIM ini bakal menjadi salah satu penyumbang utama kejayaan di samping inisiatif-inisiatif lain di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) khususnya menerusi Industry 4WRD. MTDC turut komited membantu ahli ACCCIM menggunakan teknologi i4.0 yang dibangunkan syarikat-syarikat tempatan. Dengan kerjasama ini, kami boleh memaklumkan kepada syarikat-syarikat tempatan bahawa kami telah bersedia mengorak langkah dalam transformasi perindustrian baharu dengan menggunakan sumber dan bakat-bakat tempatan,” ujar YBhg. Tan Sri Abdul Rahman Mamat, Pengerusi MTDC.

Majlis menandatangani MoU ini telah disaksikan oleh YB Senator Datuk Lim Ban Hong, Timbalan Menteri di Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), YBhg. Tan Sri Abdul Rahman Mamat merangkap Pengerusi MIDF dan MTDC bersama YBhg. Tan Sri Datuk Ter Leong, Presiden ACCCIM.

Dalam ucapannya, YB Senator Datuk Lim Ban Hong menekankan kepentingan memorandum persefahaman ini untuk mewujudkan kesedaran dalam kalangan ahli gabungan mengenai kemudahan pembiayaan dan khidmat nasihat perniagaan yang ditawarkan oleh MIDF serta penyelesaian teknologi yang dibekalkan oleh MTDC menerusi TENTRA dan Co9P. Beliau turut menggalakkan pemilik perniagaan mengambil kesempatan terhadap Kempen Pengurangan Kadar Keuntungan Pembiayaan di bawah inisiatif PEMERKASA yang menyediakan pembiayaan kepada perusahaan kecil dan sederhana (PKS) pada kadar pembiayaan serendah 3% untuk skim berkaitan

terutamanya Skim Pembiayaan Mudah Automasi dan Modenisasi (SFSAM) dan Skim Pembiayaan Mudah Digital dan Teknologi (SFDT).

YB Senator Datuk Lim Ban Hong turut mengucapkan tahniah kepada ACCCIM yang telah membuka lembaran baharu bersama MIDF dan MTDC sebagai rakan strategik dalam mengetengah keperluan industri dengan membuka peluang di sepanjang rantai kerjasama ini yang selari dengan nilai pihak-pihak terlibat. Beliau juga menyuarakan harapan agar kerjasama ini membuka lebih banyak jalinan kerjasama, meluaskan perhubungan dan menyediakan peluang lebih besar untuk membantu kelancaran pemulihan perniagaan di negara ini.

"Kerjasama awam-swasta bukanlah pilihan tetapi keperluan dalam membantu PKS menjalankan perniagaan berteraskan teknologi. Dengan termeterainya MoU hari ini, kami berjaya memenuhi keperluan satu sama lain dengan objektif utama membantu sebanyak mungkin PKS dan syarikat pemula meneroka dunia pendigitalan. Saya pasti hal ini akan meneruskan kelangsungan perniagaan terutama pada pasca-COVID," ujar YBhg. Tan Sri Datuk Ter Leong, Presiden ACCCIM.

Majlis bersejarah ini turut dihadiri wakil-wakil daripada MITI, ACCCIM, MIDF dan MTDC termasuk barisan pengurusan kanan organisasi terbabit dan rakan-rakan media.

Mengenai MIDF

MIDF menawarkan perkhidmatan perbankan pelaburan, pembangunan kewangan, dan pengurusan aset kepada syarikat-syarikat dan institusi perniagaan.

Malayan Industrial Development Ltd (kini MIDF) telah ditubuhkan pada 1960 hasil kajian Bank Dunia dengan objektif menyemarakkan sektor perindustrian di Malaya (kini Malaysia). Selama lebih 61 tahun, MIDF memainkan peranan penting dalam pembangunan dan pemodenan ekonomi serta pasaran modal di negara ini. MIDF merupakan syarikat milik penuh Permodalan Nasional Berhad (PNB)

Mengenai MTDC

MTDC adalah subsidiari milik penuh Khazanah Nasional Berhad dan merupakan pemain utama dalam pengkomersialan dan pengurusan dana kerajaan sejak Rancangan Malaysia Ke-7. Syarikat yang ditubuhkan pada 1992 ini menggalakkan penggunaan teknologi oleh syarikat tempatan melalui pengkomersialan R&D tempatan atau pemilikan teknologi luar. Sejak itu MTDC menjadi pemain utama dalam pengkomersialan dan pengurusan dana milik kerajaan.

Selain itu, MTDC menyediakan sokongan bersepadu kepada pemain teknologi menerusi Akademi Latihan Teknoprenuer (TENTRA), Centre of 9 Pillars (Co9P) dan khidmat nasihat menerusi bimbingan, *soft-landing*, penjenamaan, pengumpulan dana, kolaborasi antarabangsa dan *networking*. Ekosistem pengkomersialan MTDC menyediakan dana dan bimbingan kepada lebih 500 syarikat berteraskan teknologi merangkumi pelbagai aktiviti daripada sektor agrikultur hingga teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Untuk maklumat lanjut, layari www.mtdc.com.my

Mengenai ACCCIM

Gabungan Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) adalah organisasi peringkat nasional untuk dewan perniagaan Cina di negara ini. Gabungan ini mempunyai 17 ahli konstituen di 13 negeri dan wilayah persekutuan di negara ini. Malah ACCCIM antara gabungan perniagaan peringkat nasional terawal memiliki wakil di seluruh negara.

ACCCIM ditubuhkan pada 2 Julai 1921 di bawah Akta Pertubuhan di Malaya. Secara langsung atau tidak langsung, ahli seramai 100,000 mewakili syarikat Cina Malaysia, individu, pertubuhan perdagangan khasnya dan komuniti perniagaan Cina amnya. Keahlian ACCCIM merangkumi ahli perniagaan terkemuka, ahli bersekutu dan lebih 6000 ahli perniagaan muda.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

MIDF

Irmawati Mahamad Tahir

Timbalan Presiden
Komunikasi Strategik Kumpulan
Ph: (03) 2173 8756
HP: (012) 492 3707
E-mel: irmawati@midf.com.my

MTDC

Alvirah Mohd Natt

Timbalan Presiden
Jabatan Komunikasi
HP: (017) 212 2802
E-mel: alvirah@mtdc.com.my

ACCCIM

Adrian Tang

Pengarah Komunikasi Am dan Penjenamaan
Ph: (03) 4260 3090
HP: (017) 805 6608
E-mel: adriantang@acccim.org.my

Susana Su

Eksekutif Operasi
Ph: (03) 4260 3090
E-mel: Digital_econ@acccim.org.my